

**Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD 5 (96)**

**Tarikh: 20 Disember 2013**

## **SKUAD PANTAS MBPJ DAPAT KERJASAMA AGENSI LAIN TANGANI MASALAH POKOK TUMBANG**

PETALING JAYA - Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama Balai Bomba Jalan Yong Shook Lin serta Pasukan Tindakan Pantas MPSJ telah menyelesaikan kejadian pokok tumbang yang berlaku di Kelana Jaya, semalam.

PANTAS MBPJ yang menerima aduan pokok tumbang daripada orang awam segera menyalurkan maklumat berkenaan kepada pihak bomba dan pada masa sama beberapa anggota PANTAS segera ke lokasi yang dilaporkan.

Kejadian ini berlaku di SS 7 dan sebahagian kawasan di SS 3 Kelana Jaya dan mendapati sebanyak 120 batang pokok, 3 buah tiang lampu dan papan tanda di kedua-dua kawasan tersebut telah tumbang.

Operasi ini diperkuatkan seramai 4 orang anggota PANTAS MBPJ, anggota QRT MBPJ, 6 orang anggota PANTAS MPSJ serta 12 orang anggota BOMBA dari Balai Bomba Jalan Yong Shook Lin, Petaling Jaya.

Turut serta dalam operasi ini kontraktor dari Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar MBPJ.

Menurut Pengarah ADUAN MBPJ, Tengku Nazaruddin Tengku Zainudin, antara kerja-kerja yang dijalankan ialah pemotongan dan pengalihan pokok-pokok tumbang yang menghalang lalulintas. Beliau juga berkata, pasukan PANTAS akan melakukan kerja-kerja pembersihan di kawasan yang terjejas bermula hari ini sehingga selesai.

Bagi menghadapi musim hujan sekarang, orang ramai boleh menghubungi Bilik Gerakan PANTAS MBPJ di talian 03-7954 2020 atau emelkan kepada [aduan@mbpj.gov.my](mailto:aduan@mbpj.gov.my) untuk sebarang aduan.

Pihak Majlis juga mengalu-alukan sebarang aduan, cadangan dan pendapat di Facebook dan twitter MBPJ bagi memudahkan interaksi antara penduduk dan majlis bagi menghadapi sebarang bentuk kemungkinan.

PANTAS MBPJ yang diselia oleh Pengarah Aduan Awam MBPJ, YM Tengku Nazaruddin Tengku Zainudin mempunyai skop tugas antaranya ialah banjir, tanah runtuh, runtuhan, rebut, kemalangan (tiang serta pokok tumbang, kerosakan harta awam, tumpahan minyak) dan kebakaran.

MBPJ akan memperkemaskan lagi pasukan sedia ada dan pada masa akan berkongsi kepakaran dengan agensi berkaitan yang mempunyai kemahiran tertentu dalam menangani bencana.

Dikeluarkan oleh,

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

**Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my) atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 010-4268050, [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)**